

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 MEI 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia mesti teroka teknologi IoT	Utusan Malaysia
2	MOSTI wujud kategori khas bagi media di AIN 2016	Utusan Malaysia
3	Inovasi Nuklear Malaysia	Utusan Malaysia
4	Cyber safety from predators	New Straits Times



MUHYIDDIN YASSIN bersama Ewon Ebin (kanan), Abu Bakar Mohamad Diah (tiga dari kiri) dan para penerima Anugerah Inovasi Negara 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, malam tadi.

Malaysia mesti teroka teknologi IoT

■ KUALA LUMPUR 24 MEI

TAN Sri Muhyiddin Yassin berpandangan, Malaysia mesti menyertai usaha global dalam meneroka dan mengeksplorasi teknologi pemusatan pelbagai teknologi daripada komunikasi tanpa wayar kepada Internet atau 'Internet of things' (IoT).

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebanyak 26 bilion peranti bakal disambungkan dengan IoT menjelang 2020 sekali gus membantu memacu inovasi pada kadar lebih pantas.

Menurut beliau, teknologi IoT juga dijangka menjana peluang ekonomi bernilai RM890 bilion di peringkat global dan disasarkan berkembang pada kadar 34.1 peratus setahun di rantau Asia Pasifik kepada RM203 bilion menjelang 2020.

"Negara-negara maju telah menggerakkan usaha meningkatkan keupayaan masing-masing dalam meneroka dan mengeksplorasi teknologi IoT, mengurus data besar serta menjamin keselamatan ruang siber.

"Bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan, Jemaah Menteri minggu lalu telah bersetuju agar Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

(MOSTI) melalui agensinya, MIMOS Berhad menerajui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik IoT Kebangsaan yang bakal dilancarkan dalam masa terdekat," katanya ketika berucap merasmikan majlis Anugerah Inovasi Negara 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini malam tadi.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin; timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah serta Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Dalam majlis sama, Muhyiddin turut menyampaikan hadiah kepada semua penerima anugerah bagi enam kategori yang dipertandingkan.

Timbalan Perdana Menteri turut mengalu-alukan langkah kementerian untuk memperluas skop dana bagi membiayai program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) yang bertujuan membangunkan atau melaksanakan idea dalam bentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial.

Beliau mencadangkan kepada kementerian agar Anugerah Inovasi Negara diperluaskan dengan dima-

sukkan kategori inovasi sosial mulai tahun depan.

"Selain itu, mengambil kira peranan media yang penting dalam memperkasa agenda sains, teknologi dan inovasi negara, saya ingin mencadangkan kategori khas diwujudkan tahun depan di bawah Anugerah Inovasi Negara bagi menghargai wartawan atau media," ujarnya.

Muhyiddin menambah, usaha memperkasakan agenda sains, teknologi dan inovasi negara seharusnya memanfaatkan jaringan kerjasama melalui platform seperti ASEAN, 'Coral Triangle Initiative' (CTI), Majlis Penasihat Sains Global Antarabangsa (GSIAC) serta Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

"Malaysia kini menduduki Majlis Eksekutif Suruhanjaya Oseanografi Antarabangsa (IOC) dan sedang berusaha mendapat sokongan untuk mengisi kerusi ahli Lembaga Eksekutif UNESCO sesi 2015-2019," katanya.

Jelas beliau, keanggotaan dalam majlis-majlis eksekutif tersebut membolehkan Malaysia terlibat secara aktif terhadap usaha melakar hala tuju serta agenda sains, teknologi dan inovasi global.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 23
TARIKH: 25 MEI 2015 (ISNIN)

MOSTI wujud kategori khas bagi media di AIN 2016

KUALA LUMPUR 24 Mei - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan mewujudkan kategori media pada Anugerah Inovasi Negara (AIN) 2016 bagi menghargai wartawan dan agensi media yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan sains, teknologi dan inovasi.

Menterinya, **Datuk Dr. Ewon Ebin** berkata, kategori yang dicadangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu juga bertujuan membudayakan sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat.

“Peranan media adalah penting dalam meningkatkan kesedaran serta minat masyarakat memandangkan sains, teknologi dan inovasi merupakan agenda penting dalam merealisasikan enam teras strategik

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

“Selain itu, ia selaras dengan usaha kerajaan untuk mencapai sasaran nisbah 60 pelajar yang berminat untuk mengikuti aliran sains dan teknikal berbanding 40 sastera pada tahun 2020,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Ewon, kategori khas bagi inovasi sosial juga akan diwujudkan pada anugerah tersebut sebagai sokongan kepada program Inovasi Sosial kementerian yang telah dilancarkan pada 16 April lalu.

“Inisiatif ini meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial dan juga meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak,” katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA AGRO) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 25 MEI 2015 (ISNIN)



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tiga dari kiri) semasa melawat ke sangkar akuakultur di Pulau Simpang Tiga, Langkawi baru-baru ini.

Inovasi Nuklear Malaysia

INDUSTRI akuakultur tempatan bakal menerima suntikan baharu dalam bidang penyelidikan berikutan kejayaan penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) yang berjaya menghasilkan bahan nanohibrid biokomposit yang boleh dimanfaatkan dalam bidang ternakan sangkar ikan.

Penyelidikan mengenai pembangunan bahan tersebut yang dibiayai menerusi ScienceFund dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjumlah RM214,000 dimulakan pada November 2011 dan siap pada April tahun lalu.

Perekanya Mohd. Faizal Abd. Rahman yang juga Pegawai Penyelidik Kumpulan Polimer Adunan dan Komposit Bahagian Teknologi Pemprosesan Sinaran, Nuklear Malaysia berkata, beliau mendapat inspirasi dan dorongan menghasilkan inovasi berkenaan bagi memenuhi keperluan struktur yang teguh dalam bidang perikanan akuakultur bagi menampung bilangan keperluan sangkar yang tinggi daripada sektor tersebut.

"Dijangkakan pada tahun 2020, keperluan bekalan ikan daripada sektor akuakultur akan mencecah 1.7 juta tan metrik setahun berbanding 700,000 tan metrik ketika ini," ujarnya sambil memberitahu inovasi tersebut dihasilkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Jabatan Perikanan.

Pembangunan bahan tersebut juga katanya, menyokong agenda pembangunan negara di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi sektor pertanian dan projek permulaan (EPP) 4 iaitu perladangan sangkar bersepadu bertujuan meningkatkan taraf kehidupan golongan pengusaha dan nelayan di negara ini.

Beliau berkata, antara cabaran utama dalam penyelidikan tersebut termasuklah untuk mengenal pasti bahan matriks polimer yang bersesuaian dengan penggunaan sebagai sangkar akuakultur dan juga ketidaktentuan cuaca di lapangan



MOHD. FAIZAL
ABD RAHMAN

ujian yang menyebabkan kehilangan sampel ujian terutamanya dalam musim tengkujuh.

Bagaimanapun, inovasi ciptaannya itu mempunyai kelebihan termasuklah daya ketahanan air dan cuaca yang lebih tinggi berbanding struktur kayu dan juga mempunyai ketegaran yang lebih tinggi berbanding plastik bahan *high density polyethylene* (HDPE) yang biasa.

Nanohibrid biokomposit itu dihasilkan menggunakan teknologi nano daripada serat tandan sawit kosong, habuk kayu dan serat sekam padi yang boleh menjadi alternatif bagi menggantikan kayu sebagai bahan binaan struktur sangkar akuakultur.

Penggunaan teknologi tersebut dapat mengurangkan kos pembinaan sangkar ikan sebanyak 30 peratus.

Katanya, penggunaan bahan nanohibrid biokomposit itu sedang dalam peringkat prapengkomersialan iaitu penggunaan bahannya dalam bentuk struktur sangkar akuakultur yang sebenar akan digunakan di lapangan ujian di Pulau Langkawi.

Projek prapengkomersialannya mendapat sokongan dana Technofund MOSTI sebanyak RM650,000 bermula Januari lalu.

"Setelah lengkap peringkat prapengkomersialan, antara langkah seterusnya yang akan diambil adalah ke arah pengkomersialan penuh iaitu produk sangkar akuakultur daripada bahan nanohibrid biokomposit itu akan diperkenalkan untuk kegunaan aktiviti akuakultur dalam dan luar negara," ujarnya.

Sementara itu, menurut Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, projek tersebut ini mampu menyumbang kepada jaminan keselamatan dan bekalan produk makanan untuk negara.

"Ia akan turut membantu meningkatkan taraf hidup pekerja dalam sektor perikanan tempatan" katanya semasa melawat ke sangkar akuakultur di Pulau Simpang Tiga, Langkawi baru-baru ini.

Cyber safety from predators

An initiative launched in schools aims to make children and teenagers become more aware of the dangerous facets of connecting online, writes Izwani Ismail

THE Internet can be an extremely useful tool for the young. But instant messaging, chat rooms, emails and social networking sites can also bring trouble — from cyberbullying to more serious dangers, including exposure to sexual predators. Understanding child safety and online dangers is thus essential for protecting your children.

CYBER GROOMING

According to Philip Ling, who is principal communications and corporate responsibility at DiGi, the latest online threat targeting children is cybergrooming. It involves befriending and establishing an emotional connection with a child, and sometimes the family, to lower the child's inhibitions for sexual abuse.

"The perpetrators will search for prey on social networks and befriend them," he says.

"Normally, he'll use a friendly name and profile, like a popular cartoon character, and work to gain the trust of children, often with the goal of a sexual relationship," he says. This "grooming" process normally takes time, sometimes months, to gain the trust of the intended target, with the aim of making the victims feel cared about enough to want to meet the person.

"Victims may become confused when the groomer begins to do things that make them uncomfortable. They may try to encourage the victims to abandon their usual sense of caution," he adds.

COMBATING THREATS

Through the CyberSAFE in Schools programme (www.digi.com.my/digicybersafe), an initiative by CyberSecurity Malaysia in collaboration with the Education Ministry and Childline Malaysia, DiGi is helping children understand the dangers of the online world.

"With the increasing rate of cyber crimes particularly targeting children, we want to ensure that they are adequately protected against possible dangers on the Net. This includes providing easy access to ways in which they can seek help," he says.

"We were inspired to do this by the recent CyberSAFE in Schools survey which indicated that some children were not aware of the availability of online or phone-in help centres like



Seventy per cent of children are not concerned with privacy when online, according to a study.



"Parents should be aware that children are getting smarter, have multiple devices and go to alternative social networks."

Philip Ling

Childline that can provide them with a safety net for problems related to the Internet," he adds.

Now, children can easily call for help without worrying about the costs, while the portability of mobile phones offers them greater privacy when discussing their concerns with the trained Childline 15999 call centre operators.

Ling says that in the Netherlands, the Government did a case study by creating a young girl's profile — she was named Sweetie. In just seven weeks, 20,000 men approached her online for sex.

"They gave the evidence to Interpol and built cases around 1,000 people, three of whom were from Malaysia," he says.

The United Nations, meanwhile, suggests that 750,000 pedophiles are online at any single time, hence heightening the risk of cyber grooming. What is worrying is that by 2020, 85 million children will go online, for the first time, on the mobile phone.

RULES NOT EFFECTIVE

Based on DiGi 2014 CyberSAFE in school national survey report involving 13,945 students from primary to secondary level, 80 per cent view online safety as important, but 40 per cent do not know how to protect themselves on the Internet.

It also found that children aged 15 or less are more vulnerable to risks than those aged 16-19.

Meanwhile, 29 per cent of those surveyed said they only take one step, or no action at all, in protecting themselves online. "The other danger is that children think they are safe online and this is a false sense of security, which makes them very easy victims," says Ling.

"Seventy per cent of them are not concerned with privacy, which means they open their Facebook profile to the public and don't bother with what they post online," he says.

DiGi's study also found that most parents have a set of rules in place for children going online, but these are often not effective. "These are rules like 'finish your homework first before you go online', and not things like 'what you can or cannot post'," says Ling.

CYBERBULLYING

On cyberbullying, the percentage is higher in rural areas with 28 per cent (as opposed to 25 per cent children in urban areas) saying they have been bullied online.

The survey also revealed that four in 10 parents have never spoken to their children on the need to protect themselves online, with less than half admitting to not having parental

control. "Parents should be aware that children are getting smarter and many have multiple devices. They also go to alternative social networks other than Facebook," says Ling.

To raise awareness, DiGi has under the CyberSAFE in Schools programme, organised workshops in schools nationwide, which have reached more than a million students.

It has also recruited about 1,000 ICT teachers as ambassadors on cyber safety awareness.



Award winning photographer Osmán Adnan, started shooting for NSTP since 2009, bagged the ASEAN Young Photographer Award and WAN IFRA AWARD in 2010 and 2015, respectively. Osmán has covered many assignments

including the New Delhi Commonwealth Games, a few years of AFF Suzuki Cup, and Universiade Shenzhen China 2011. Other than sports, Osmán also covered a variety of news assignments from the Lahad Datu intrusion to the AlirAsia crash in Surabaya.

4 to 29 May 2015 | 10 am to 6 pm
The New Straits Times Press (M) Berhad (4405-H)
Balai Berita, 31 Jalan Riong, Kuala Lumpur